

Headline	Bantahan pembinaan SUKE dibawa ke MTES		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Dec 2016	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	42	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	89 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,054
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,162



## Bantahan pembinaan SUKE dibawa ke MTES

➤ **Shah Alam:** Bantahan mengenai pembinaan Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Klang (SUKE) akan dibawa ke Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) hujung bulan ini selepas penjelasan teknikal daripada jabatan yang berkaitan diperoleh.

➤ Ia susulan bantahan yang diterima daripada beberapa persatuan penduduk serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menentang pembinaan lebuhraya berkenaan berikutan dikhuatiri menjejaskan hutan simpan di negeri ini.

EXCO Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna negeri Elizabeth Wong berkata, 5,769 petisyen ditandatangani penduduk berkaitan bantahan pembinaan projek lebuhraya itu.

“Selain itu, kerajaan ne-

geri turut menerima bantahan bertulis daripada beberapa NGO serta parti politik di bawah kempen ‘selamatkan pokok kita’.

“Susulan itu, di bawah Enakmen Akta Perhutanan Negara (Selangor), kita perlu adakan pendengaran awam jika terdapat mana-mana hutan simpan perlu diwartakan,” katanya ketika ditemui selepas mengadakan sesi pendengaran awam di sini, semalam.

Elizabeth berkata, projek lebuhraya SUKE memabitkan hutan simpan Bukit Sungai Putih Utara dan Selatan seluas 29.98 hektar.

➤ Beliau berkata, pihaknya perlu menyemak dengan beberapa agensi mengenai isu teknikal seperti Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).